

2 projek bangunkan Lembah Kinta

IPOH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengumumkan dua projek besar bagi merencanakan lagi pembangunan Lembah Kinta yang membabitkan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS), di sini dan pengangkutan komuter menghubungkan Ipoh dan Pulau Pinang.

Perdana Menteri berkata, projek berkenaan dirancang bagi merencanakan lagi pembangunan di kawasan Lembah Kinta berikutan kedudukannya yang strategik dan terletak di tengah Semenanjung.

Beliau berkata, pembesaran LTSAS pula dirancang untuk menjadikan lapangan terbabit sebagai hab bagi beberapa destinasi penerbangan domestik dan antarabangsa yang di-

kenal pasti.

"Pada masa ini anak syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) Firefly sudah menyatakan minat untuk beroperasi di LTSAS," katanya pada sidang media selepas majlis makan tengah hari meraikan beliau dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan isteri, Datin Seri Kamariah Mokri, pemimpin Barisan Nasional (BN) Perak, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), ketua jabatan, persatuan pesara polis dan tentera, Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Perak dan Veteran Umno.

Abdullah bagaimanapun, tidak

BH - 30/6/2007

mendedahkan butiran lanjut berhubung dua projek itu, termasuk soal kos dan bila akan dimulakan, bagaimanapun memberi jaminan ia akan dilaksanakan selepas semua urusan berkaitan diselesaikan.

MAS dan syarikat penerbangan tambang murah AirAsia tidak mahu beroperasi di LTSAS kerana tidak menguntungkan, tambahan pula Ipoh terlalu dekat dengan Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang turut menawarkan perkhidmatan pengangkutan udara.

Selain itu, AirAsia menarik diri daripada beroperasi di LTSAS kerana kerajaan negeri tidak dapat memenuhi permintaan syarikat itu untuk memanjangkan landasan berkenaan bagi membolehkan pesawatnya

yang lebih besar mendarat.

Mengenai perkhidmatan komuter antara Ipoh dan Pulau Pinang, Perdana Menteri berkata, ia akan dapat meningkatkan kecekapan pengangkutan darat antara kedua-dua destinasi bagi mengangkut penumpang.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah mahu rakyat negara ini terus memperkukuhkan institusi kekeluargaan bagi mewujudkan masyarakat harmoni dan sejahtera dalam kehidupan yang semakin mencabar.

"Jika institusi keluarga itu pinang, akan lahir generasi yang tidak berakhlak dan runtuh moralnya dan sudah tentu mereka tidak akan dapat meneruskan segala bentuk pembangunan yang dibuat oleh generasi kini," katanya.